

HARI :	JUMAAT
TARIKH :	16/8/2019
M/SURAT :	37

## Subsidi petrol bersasar diumumkan hujung tahun ini

**KUALA LUMPUR 15 Ogos** - Mekanisme subsidi petrol yang dijanjikan kerajaan kini peringkat akhir kajian dan dijangka akan diumumkan pelaksanaannya lewat-lewat hujung tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang mengakui kelewatan pelaksanaannya berkata, kerajaan perlu mengambil masa mendapatkan pandangan dan penglibatan pelbagai pihak terlebih dahulu.

"Kita mengambil kira pandangan pelbagai pihak termasuk persatuan pengguna, Bank Negara Malaysia (BNM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sebelum pengumuman dapat dibuat dalam masa terdekat.



**SAIFUDDIN NASUTION**

"Kita perlu adakan perbincangan dengan syarikat minyak dan pihak berkepentingan. Namun, saya akan membuat pengumuman sebaik keputusan dimuktamadkan," katanya kepada pemberita dalam majlis pelancaran Pameran Perdagangan Satelit Wecommerce Lazada 2019, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Saifuddin Nasution berkata, hanya 3,000 peniaga barangan dan perkhidmatan dalam

talian yang sudah mendaftar serta mempunyai persijilan digital 'BizTrust' sejak ia diperkenalkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tahun lalu.

Menurutnya, peniaga digalakkan merebut peluang itu sebagai pengiktirafan perniagaan yang dijalankan adalah sah meskipun ia bukan satu kewajipan untuk mendapatkan sijil BizTrust.

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 16/8/2019  
M/SURAT : 1

## Aduan penipuan e-dagang makin memburuk

**ADUAN NAIK**  
**26.2%**  
Julai 2019  
**DARIPADA**  
**18.6%**  
Julai 2018

Barang **BERBEZA** daripada diiklankan

Barang **ROSAK**

Barang dibeli **TIDAK SAMPAI** kepada pelanggan

**BERITA DI MUKA 4**

